



Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PTG.48/73-46 (Fastrack Nil) (12)

Tarikh : **4** Ogos 2020

Pengerusi
Johore Bar Committee
No. 5, Jln. Tun Abdul Razak, Susur 1/1
80000 JOHOR BAHRU
Johor.

Tuan,

PERLANJUTAN MASA BAGI PERLAKSANAAN PERMOHONAN UBAHSYARAT / MENGENAKAN SYARAT TANAH DARIPADA TIADA / NIL KEPADA KATEGORI KEGUNAAN SEBENAR SECARA FASTRACK (FASTRACK NIL).

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan surat pentadbiran ini bertarikh 09.01.2020, 30.01.2020 dan 03.06.2020 adalah berkaitan.

2. Seperti yang sedia maklum bahawa tempoh permohonan *Fastrack Nil* telah tamat pada 30.06.2020. Namun setelah beberapa perbincangan serta keluhan daripada pemohon / pihak berkepentingan tentang tempoh yang diberikan terlalu singkat, maka, Pengarah Tanah dan Galian Johor telah **BERSETUJU** agar pelaksanaan *Fastrack Nil* ini dibuka sehingga **30 OGOS 2020** sahaja.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, terdapat beberapa penambahbaikan telah dibuat sebagaimana ketetapan berikut :

- 3.1 Perlanjutan tempoh pelaksanaan *Fastrack Nil* sehingga **30 OGOS 2020**. Cadangan tarikh ini adalah mengambil kira tamatnya pembayaran cukai tahun 2020 pada 30.09.2020. Sekiranya pihak pemohon gagal untuk melunaskan bayaran Notis 7G dalam tempoh sebelum 30 September 2020 pemohon juga adalah tertakluk dengan pembayaran denda lewat tempoh pembayaran cukai.
- 3.2 Pengubahan mana-mana kategori penggunaan tanah samada tertakluk atau tidak tertakluk untuk pengenaan mana-mana kategori di atasnya **Seksyen 124(1)(a)**.

(Contoh adalah sebagaimana di Kembaran 1)

...2/-

- 3.3 Pemindaan apa-apa syarat nyata atau sekatan kepentingan yang diendors di atas atau disebut di dalam dokumen hakmilik tanah itu atau pengenaan apa-apa syarat nyata atau sekatan kepentingan yang baru.
Seksyen 124(1)(c).

(Contoh adalah sebagaimana di Kembaran 2)

4. Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor sebagaimana Ringkasan Mesyuarat bil : 131/2020 telah **BERSETUJU** bahawa Pengarah Tanah dan Galian Dibenarkan untuk melaksanakan penambaan dan penyesuaian terhadap tatacara pelaksanaan *Fastrack Nil* ini mengikut keperluan semasa. Arahan ini adalah berkuatkuasa **SERTA MERTA.**

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(MOHD SHAHRIZAN BIN SAHID)

Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan)

b.p Pengarah Tanah dan Galian Negeri

Johor.

DMRDHAK/aishah
f.lanjutfastrack

Seksyen 124(1)(a).

Pengubahan mana-mana kategori penggunaan tanah samada tertakluk atau tidak tertakluk untuk pengenaan mana-mana kategori di atasnya.

DHDK



No. Hakmilik : 12344	Cukai Tahunan RM 260.00
----------------------	-------------------------

Negeri : Johor
 Daerah : Johor Bahru
 Bandar/Pekan/Mukim : Mukim Tebrau
 No. Lot : Lot 2803
 Luas Lot : 1021.8312 Meter Persegi
 Kategori Penggunaan Tanah : Tiada
 No. Lembaran Piawai : 65 DI
 No. Pelan Diperakui : 17613
 No. Fail : PTG598/65

TIADA / PERTANIAN / BANGUNAN /

Tanah yang diperihalkan di atas adalah dipegang untuk selama-lamanya oleh tuan punya pada masa namanya disebut dalam rekod ketuanannya di bawah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kamun Tanah Negara kepada kategori yang dinyatakan di atas dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan yang dinyatakan di bawah, sebagai balasan bagi pembayaran cukai tahunan yang sewajarnya.

Dengan perintah Rak Berkuasa Negeri.
 Didaftarkan pada 4 Februari, 1968

CONTOH

T.M. _____
 Pendaftar

Pelan tanah, bagi maksud pengenalan, adalah pada Borang B1.

SYARAT-SYARAT NYATA
 TIADA

SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN
 Tiada

Hakmilik : 010208GRN00022375
 Tarikh : 08/05/2017
 No. Versi : 3
 No. Salinan :
 Muka Surat : 1 [2]

Seksyen 124(1)(c).

Pemindaan apa-apa syarat nyata atau sekatan kepentingan yang diendors di atas atau disebut di dalam dokumen hakmilik tanah itu atau pengenaan apa-apa syarat nyata atau sekatan kepentingan yang baru

1. Sekiranya permohonan tanah daripada tiada kepada bangunan komersil :

Tanah ini tidak boleh dijual atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun kepada Bukan Bumiputera / Syarikat Asing tanpa persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

2. Sekiranya permohonan tanah daripada tiada kepada bangunan komersil (hotel) :

- a) Tanah ini tidak boleh dijual atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun kepada Bukan Bumiputera / Syarikat Asing tanpa persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

- b) Pembangunan pada hakmilik yang didaftarkan sebagai Hotel tidak boleh dipecah bahagi bagi tujuan pengeluaran hakmilik strata pada setiap unit / parcel / petak.

3. Sekiranya permohonan tanah daripada tiada kepada industri :

Tanah ini tidak dibenarkan dipindahmilik dengan apa cara sekalipun melainkan infrastruktur untuk kemudahan awam yang telah mula dibina mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

4. Sekiranya permohonan di dalam Rizab Melayu :

- a) Plot-Plot yang dikhasakan untuk Melayu hanya boleh dijual / dipajak / dipindahmilik kepada seorang bertaraf Melayu sahaja sepertimana maksud "Melayu" pada Enakmen Rizab Melayu Tahun 1936 dan tidak boleh terkemudian daripada itu, dijual, dipajak atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun kepada seorang yang bukan Melayu atau Syarikat Bukan Melayu.

(Bukan Melayu dalam Rizab Melayu)

- b) Keseluruhan plot ini hanya boleh dijual / dipajak / dipindahmilik kepada seorang yang bertaraf Melayu sahaja sepertimana maksud "Melayu" pada Enakmen Rizab Melayu Tahun 1936 dan tidak boleh terkemudian daripada itu, dijual, dipajak atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun kepada seorang yang bukan Melayu atau Syarikat Bukan Melayu.

(Bukan Melayu dalam Rizab Melayu)